

ADUAN YANG DITERIMA MENERUSI E-MEL RASMI PEJABAT DAERAH DAN TANAH MANJUNG  
(pdtmanjung@perak.gov.my)

Bil.	Tarikh Terima	Nama	Aduan	Tarikh dijawab	Jawapan
1	8/11/2017	Fariq Hafeezullah	<p>Assalamualaikum dan selamat sejahtera. saya Fariq Hafeezullah berasal dari Klang, Selangor ingat membuat pertanyaan mengenai permohonan pertukaran geran tanah dari arwah bapa saya kepada saya.</p> <p>Permohonan pertukaran pemilikan kepada nama saya telah saya buat kira-kira sebulan yang lepas dan salah satu syaratnya saya perlu menggemarkan salinan geran tanah yang lama kepada pihak tuan dan disini ingin saya menanya bagaimakah jika salinan asal geran tanah telah hilang dalam jagaan saya? apakah yang saya harus buat untuk mengambil geran tanah diatas pemilikan nama saya yang baru sedangkan syarat untuk mengambil geran tanah yang baru harus menggemarkan geran tanah yang lama?</p> <p>Mohon penjelasan dan kerjasama dengan pihak tuan dengan kadar segera memandangkan tempoh masa dan perjalanan untuk saya ke Pejabat Daerah dan Tanah Manjung agak jauh dari tempat tinggal saya. Disini saya sertakan sekali no telefon saya iaitu 0196413000 untuk memudahkan pihak tuan untuk berurusan dengan saya. Kerjasama daripada pihak tuan amat saya hargai dan diucapi dengan ribuan terima kasih.</p>	9/11/2017	<p>Assalamualaikum WBT dan selamat sejahtera, Merujuk kepada pertanyaan Encik Fariq mengenai permohonan geran tanah baru, staff di Pejabat Daerah &amp; Tanah Manjung telah memaklumkan pada tuan sebentar tadi melalui perbualan telefon.</p> <p>Disini saya ingin memaklumkan, tuan perlu melengkapkan dokumen-dokumen tersebut iaitu: 1) Surat akuan kehilangan geran; 2) Resit cukai tanah semasa; 3) Money Order (RM31.80) di atas nama Percetakan Nasional Malaysia Berhad beralamat Jalan Kuala Kangsar, 30010 Ipoh; dan 4) Salinan asal report polis dan di report tersebut perlu nyatakan nama hakmilik, no. lot serta mukim hakmilik yang hilang. Setelah dokumen di atas dilengkapkan, tuan perlu membeli carian hakmilik pensendirian yang hilang di Pejabat Daerah dan Tanah Manjung dan tuan perlu pastikan tanah tuan adalah hakmilik di PDT Manjung. Sebanyak RM180 untuk memasukkan nama tuan bagi permohonan tersebut. Sebarang kemusyikan atau kekeliruan, tuan boleh ajukan pertanyaan tuan di pdtmanjung@perak.gov.my atau boleh hubungi kami di 05-688 1120. Sekian, terima kasih.</p>
2	21/10/2017	Ngo Nelson	hi, selamat petang, I nak Tanya macam mana permohonan tanah?	31/10/2017	Hello and Good Morning Mr. Ngo Nelson. Mengenai permohonan tanah, pemohon perlu kenalpasti tapak yang ingin dimohon. Setelah itu, pemohon perlu isi Borang Jadual 1 dengan lengkap dan hantar permohonan ke Pejabat Tanah yang berkatan beserta bayaran permohonan. Sekian, terima kasih.
3	25/9/2017	Zuraine Yusop	Salam.Nama Saya Zuraine Yusop,Saya hendak bertanya berkaitan dengan bil cukai tanah rumah saya alamat no43a,persiaran venice intan15,desa manjung raya,32200 lumut,saya tidak pernah dapat bil dan serasa saya cukai tanah yang patut saya bayar sudah tertunggak lama. Boleh kak pihak tuan,email kan kepada saya bil dan cukai ini boleh dibayar secara on line? Sekian ,terima kasih.	27/9/2017	Waalaikumussalam Puan. Dilampirkan bil cukai tanah beralamat di No 43a, Persiaran Venice Intan 15,Desa Manjung Raya,32200 Lumut, Perak. Bayaran cukai boleh dibuat secara online. Puan boleh berhubung di 05-688 1120 untuk sebarang pertanyaan lanjut. Sekian ,terima kasih.

ADUAN YANG DITERIMA MENERUSI E-MEL RASMI PEJABAT DAERAH DAN TANAH MANJUNG  
(facebook PDT Manjung)

Bil.	Tarikh Terima	Nama	Aduan	Tarikh dijawab	Jawapan
1	2/11/2017	Mohd Asyraf Rawi	Assalamualaikum. Kuarters kerajaan di manjung sudah siap ke? Kalau guru sekolah atau kerja Agensi MARA blh mohon ke? Terima kasih.	2/11/2017	Waalaikumussalam. Kuarters telah siap tapi masih menunggu kelulusan CCC bangunan. Kakitangan Kerajaan boleh mohon tetapi kelulusan utk msuk adalah tertakluk kpd keputusan mesyarat pemilihan kuarters. borang permohonan boleh diambil di Bahagian Khidmat Pengurusan, Pejabat Daerah & Tanah Manjung
2	24/10/2017	Rosli Mustafa	As Salam. Saya nk tnya Ada tapak kosong unt promosi Projek Perumahan atau tapak unt buat interview. Saya nk Cari sales consultant property. 0193284926	24/10/2017	waalaikumussalam... sebenarnya, penyelerasan telah dibuat untuk program permukiman ini mengikut portfolio masing2. mengenai tapak promosi yg en rosli tanyakan, ia bergantung kpd portfolio tersebut. namun demikian, pihak en rosli boleh berhubung dgn penyeleras bagi program yg terlibat. sekian, terima kasih.
3	18/8/2017	Mohd Azis	Assalamualaikum / Salam Sejahtera...sekiranya pihak tuan dapat membantu, sy ingin mendapatkan maklumat berkaitan prosedur atau tatacara atau syarat-syarat yang perlu dipatuhi untuk proses pecah sempadan. Ini kerana, tiada maklumat berikut dinyatakan dalam website pihak tuan. Sekian, terima kasih.	30/8/2017	Waalaikumussalam. Maaf di atas kelewatan kami memberi maklum balas mengenai hal ini. Merujuk kepada soalan tuan, pecah sempadan menggunakan seksyen 137. Prosedurnya adalah pelan dikehendaki lulus dari pihak berkuasa tempatan di tempat tuan. Selepas lulus pelan tersebut, tuan boleh submit permohonan tuan bersama borang 9A ke pejabat tanah yg berhampiran di tempat tuan. Sekian, terima kasih.
4	20/7/2017	Wali Famili	salam tuan kat mana saya boleh saya check status tanah lot yang hendak di jual kepada saya oleh penjual tanah	21/7/2017	Assalamualaikum, berikut adalah jawapannya. - Pembeli tanah boleh membuat semakan di Pejabat Tanah dengan membeli Carian Rasmi. Pembeli Tanah perlu dapatkan butiran Nombor Hakmilik tanah tersebut serta Mukim bagi memudahkan semakan dan seterusnya pembelian carian rasmi.